

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM JUBLI PERAK BANK PEMBANGUNAN
DAN INFRASTRUKTUR
DI HOTEL MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR
7 OGOS 1999

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad yang sudi mengundang saya dan isteri untuk sama-sama di majlis makan malam jubli perak bank pada tahun ini.

2. Saya turut merasa bangga dan mengucapkan tahniah kepada BPIMB yang menyambut usia operasinya yang ke-25 tahun ini. Perjuangan suku abadinya telah banyak membantu membangunkan keusahawanan, khususnya di kalangan IKS bumiputera. Ini merupakan satu usaha dan pengorbanan yang bukan kecil dan amat dihargai oleh kerajaan. Pengorbanan dan komitmen yang konsisten seumpama inilah yang menjadi keperluan utama pencapaian hasrat dan wawasan negara ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

3. Saya juga mengucapkan tahniah kepada BPIMB kerana telah dipilih oleh kerajaan untuk melaksanakan tugas baru, menguruskan dana pembangunan infrastruktur kerajaan, yang sekali gus menukar entiti Bank Pembangunan menjadi Bank Pembangunan dan infrastruktur mulai akhir Oktober tahun lalu. Tugas baru ini adalah merupakan satu tanggungjawab penting yang perlu dipikul oleh bank dalam membantu menjayakan usaha kerajaan ke arah pemulihan ekonomi. Pemilihan BPIMB antara puluhan institusi kewangan lain di negara ini adalah jelas menggambarkan betapa besar kepercayaan dan keyakinan pihak kerajaan atas kemampuan BPIMB melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

4. Sejarah operasi Bank Pembangunan sejak 25 tahun yang lalu, seiringan dengan pembangunan keusahawanan bumiputera, saya kira begitu menarik. Sejak di awal tempoh dasar ekonomi baru, tugas membangunkan keusahawanan bumiputera tidaklah semudah yang fikirkan kerana rata-rata pengusaha bumiputera ketika itu, masih amat kurang kemahiran mereka dalam hal-ehwal perniagaan. Kerana itulah, kerajaan memerlukan sebuah institusi pembangunan seperti Bank Pembangunan untuk membantu dan membimbing golongan tersebut supaya tahap keusahawanan mereka akan dapat ditingkatkan. Saya kira, penubuhan Bank Pembangunan untuk melengkapi institusi kerajaan yang lain seperti MARA, telah pun menepati misi dan visi kerajaan dalam pembangunan keusahawanan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kerajaan masih belum berpuas hati dengan pencapaian BPIMB dalam pengeluaran pinjaman atau disbursement of loans kepada para peminjam. Proses pengeluaran pinjaman ini masih lambat dan saya difahamkan masalah yang dihadapi oleh bank ini ialah masalah dokumentasi. BPIMB perlu berusaha mengatasi masalah ini dan juga mempercepatkan prosedur memproses pinjaman, iaitu lebih cepat dari bank-bank lain. BPIMB memainkan peranan yang begitu penting untuk membantu bumiputera. Ada sesetengah skim pinjaman bank negara/kerajaan untuk bumiputera (seperti Skim Modal Asas) yang hanya diberikan kepada bank ini. Oleh itu, BPIMB patut mencari jalan untuk menolong bumiputera dengan lebih lagi, terutamanya

ketika ekonomi negara mulai pulih dari kegawatan. Selain dari teguran yang saya sebutkan tadi, saya juga ingin menyentuh mengenai peranan bank ini dalam menyediakan support-service untuk peminjam-peminjam. Di bawah RMK6 dan RMK7, BPIMB telah mengeluarkan pinjaman bagi membina kompleks kilang bimbingan di setiap negeri. Bagaimanapun, apabila negara dilanda kegawatan ekonomi baru-baru ini, banyak peniaga dibawah skim ini yang tidak berjaya. Kerajaan memandang berat perkara ini dan saya berharap BPIMB dapat mencari punca yang menyebabkan masalah ini berlaku.

6. Kini, BPIMB mempunyai tugas yang lebih besar dalam pembangunan projek-projek perindustrian berteknologi tinggi serta membantu membangunkan infrastruktur negara. Alaf baru yang akan menjelang kurang lima bulan dari sekarang menuntut segala kepakaran dan iltizam daripada warga korporat seperti BPIMB untuk meneruskan cita-cita dan wawasan negara.

7. Namun begitu, saya berharap BPIMB akan terus memberikan perhatian yang serius terhadap pembangunan projek-projek yang lebih kecil di kalangan IKS kerana IKS akan terus kekal sebagai komponen terpenting dalam pembangunan perindustrian negara. Dengan segala pengalaman dan kepakaran yang digarap selama 25 tahun, saya yakin BPIMB akan mampu melaksanakan tanggungjawab secara seimbang antara pembangunan projek-projek mega di bawah skop infrastruktur dan peranan asal membantu membangunkan IKS.

8. Kerajaan akan sentiasa memberikan sokongan dan dorongan kepada Bank Pembangunan dan infrastruktur dalam apa juga bentuk untuk membolehkan BPIMB bergerak cergas dan lancar dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawabnya. Saya percaya kementerian pembangunan usahawan yang sentiasa melaksanakan tugas dengan baik, menyelia dan berdamping rapat dengan BPIMB dalam menentukan kepentingan para usahawan sentiasa diberikan keutamaan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Saya percaya, majlis seumpama ini akan digunakan dengan sebaik-baiknya oleh kakitangan bank dan para jemputan untuk mengukuhkan lagi semangat kerjasama dan hubungan korporat antara satu sama lain. Mudah-mudahan Majlis Makan Malam Jubli Perak ini juga akan diraikan dengan penuh kesyukuran kerana ianya adalah lambang kejayaan yang telah dicapai oleh bank selama dua setengah dekad ini. Yang terpenting, biarlah ianya menjadi pendorong kepada semua kakitangan BPIMB untuk terus bekerja dengan lebih komited, ikhlas dan profesional, demi kejayaan bank dan masyarakat usahawan seluruhnya.

10. Dengan harapan dan doa, semoga negara kita akan bertambah maju dan makmur hasil rasa tanggungjawab, dedikasi dan komitmen warganya.

Terima kasih.